

25/04/2003

Pemadam mohon bantuan bina semula dewan runtuh

Osman Lisut

KUALA LUMPUR: Pemadam memohon jasa baik badan korporat, syarikat mahupun orang perseorangan di negara ini menghulurkan bantuan bagi membina semula

dewan mesyuarat persatuan itu yang musnah dalam satu kejadian pokok tumbang, minggu lalu.

Timbalan Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan, Datuk Idris Ibrahim, berkata

kejadian itu menyukarkan persatuan berkenaan mengadakan mesyuarat mingguan

bagi mengaturkan programnya.

"Amat menyedihkan, dewan yang selama ini menjadi kebanggaan Pemadam hasil pembinaan bekas penagih dan kakitangan penjara musnah sekelip mata pada kejadian kira-kira jam 4.30 petang, Rabu lalu.

"Struktur bangunan dewan itu runtuh sama sekali selepas dihempap sebatang pokok besar. Selain bangunan, Pemadam turut mengalami kerugian apabila meja dan kerusi yang ditempatkan di situ musnah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membawa sekumpulan wartawan melihat sendiri keadaan bangunan yang uzur selepas kejadian itu, kelmarin. Hadir sama Setiausaha Agung Pemadam, Datuk Jumaat Datuk Mohd Noor dan Pengerusi

Biro Perhubungan Awam Pemadam, Datuk Zein Isma Ismail.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi menyeru kepada warga Malaysia yang prihatin terutamanya ahli perniagaan atau syarikat yang berjaya tampil membantu Pemadam membina bangunan baru untuk memudahkan persatuan menggerakkan aktivitinya.

"Rakyat Malaysia amat prihatin dengan nasib yang menimpa rakyat di Iraq,

Bosnia dan sebagainya, kenapa tidak kepada Pemadam yang selama ini berfungsi mencegah aktiviti dadah warganya sendiri di negara ini.

"Bangunan Pemadam yang ada begitu daif dan kami amat memerlukan sumbangan orang ramai kerana subsidi daripada kerajaan amat kecil, hanya digunakan untuk pentadbiran serta mengaturkan program. Kalau ada penaja pun daripada orang yang sama," katanya.

Idris berkata, bagi setiap sumbangan yang dihulurkan, Pemadam akan mengeluarkan surat supaya ia mendapat pengecualian cukai.

Dalam perkembangan lain, Idris berkata, Pemadam akan bekerjasama dengan

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia bagi mengumpul kira-kira 5,000 mahasiswa bagi satu khemah kerja, Julai ini.

"Khemah kerja dua hari itu bertujuan membincangkan permasalahan penggunaan dadah di negara ini dan setiap rektor atau naib canselor IPT diminta menyediakan kertas kerja mengenainya.

"Pada hari terakhir beberapa resolusi mengenai penyalahgunaan dadah dan

langkah pencegahan akan dibuat. Resolusi itu akan dijadikan panduan bagi pelaksanaannya oleh mahasiswa dan mahasiswi terbabit apabila mereka keluar

daripada IPT kelak," katanya.

Beliau berkata, tarikh dan tempat di mana khemah kerja itu terserah kepada Penaung Pemadam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun akan dibuat pada bulan Julai nanti.

"Kami mencadangkan majlis perasmiannya dilakukan Dr Mahathir dan penutup pula Pemangku Perdana Menteri. Malah, Dr Mahathir akan memberi ucap tama kepada peserta khemah kerja berkenaan," katanya.